

## SEJARAH PENYELIDIKAN DAN PENEMUAN GENDANG GANGSA DI THAILAND

*(HISTORICAL RESEARCH ON THE FINDINGS OF BRONZE  
DRUM IN THAILAND)*

**Adnan Jusoh**

### Abstrak

---

Artikel ini memfokuskan tentang gendang gangsa iaitu sejenis objek tinggalan kebudayaan masyarakat zaman Logam di Thailand. Objek yang diperbuat daripada beberapa komponen logam ini ditemui di beberapa lokasi di Asia Tenggara dan China. Selain fungsinya yang pelbagai guna, rupa bentuk objek ini juga unik dan dihiasi dengan motif hiasan yang tersendiri. Objektif artikel ini adalah untuk membincangkan perkembangan sejarah penyelidikan dan penemuan gendang gangsa di negara Thailand sehingga tahun 2020. Ini adalah disebabkan maklumat tentang gendang gangsa di Thailand kurang diketahui khususnya dalam kalangan orang awam disebabkan kekurangan maklumat. Dalam usaha untuk menyiapkan tulisan ini, kajian kepustakaan dilakukan dengan menelaah sejumlah buku dan artikel yang berkaitan dengan gendang gangsa di Asia Tenggara dan China. Hasil kajian mendapati beberapa kumpulan etnik di Thailand pernah dan masih mengamalkan tradisi penggunaan gendang gangsa dalam sosio-budaya mereka dan dipercayai ia bermula semenjak kemunculan dan penyebaran kebudayaan Dongson lagi. Hubungan yang erat antara masyarakat Thailand dengan beberapa kumpulan etnik di perbatasan Thailand dengan negara jiran menyebabkan objek ini mudah tersebar dan diamalkan secara bersama. Hasil kajian juga mendapati penemuan gendang gangsa di Thailand melibatkan semua klasifikasi seperti yang diperkenalkan oleh Franz Heger sejak 1902, namun demikian majoritinya adalah gendang gangsa daripada jenis Heger I dan Heger III. Secara keseluruhannya, penemuan gendang gangsa di Thailand amat penting dalam menjelaskan tradisi penggunaan gendang gangsa dalam kalangan masyarakat di Thailand semenjak ratusan tahun dahulu sehingga kini.

---

**Kata kunci:** Zaman Logam, motif, fungsi, sosiobudaya, gendang gangsa

### *Abstract*

---

*This article focuses on finding the bronze drum, an object that originated from the Bronze Age in Thailand. Other than Thailand, the bronze drums were found in a few locations in South East Asia and China, with various usage, local designs, motives and variations. This article aims to highlight the development of historical research and findings of the bronze drum in Thailand until 2020. This is because the information on the bronze drum in Thailand is limited, thus affecting public knowledge about it. As part of the effort, library research and references are done, especially an in-depth study from several relevant books and articles on the bronze drum in South East Asia and China. The research shows that certain ethnic groups within Thai society adopt a tradition of using the bronze drum in*

*their society, which is believed to begin and spread during the emergence of the Dongson culture. Furthermore, the close relations between these ethnic groups with other groups at the Thailand border resulted in the easy spread of the object as all ethnic groups commonly used the objects. The findings of the bronze drum in Thailand also involved classifications by Franz Heger in 1902, which shows that the majority are of Heger I and Heger III type. In conclusion, the findings of the bronze drum in Thailand are significant to explain its usage in Thai society hundreds of years ago until the present time.*

---

**Keywords:** *Metal Age, motifs, function, socioculture, bronze drum*

## PENGENALAN

Gendang gangsa merupakan salah satu objek tinggalan masyarakat Zaman Logam yang penting di Asia Tenggara. Objek ini diperbuat daripada campuran beberapa jenis logam menjadikan ia sangat berkualiti, malahan ada yang bertahan sehingga ke hari ini. Fungsi gendang gangsa yang pelbagai guna menyebabkan ia menjadi rebutan dalam kalangan pelbagai masyarakat dan etnik. Impaknya objek ini menjadi popular sehingga mudah tersebar dengan meluas melewati beberapa buah negara di Asia Tenggara dan China. Selain rupa bentuknya yang unik, gendang gangsa juga dihiasi dengan pelbagai jenis motif hiasan yang menarik. Malahan sehingga kini didapati gendang gangsa masih digunakan oleh beberapa kelompok masyarakat terutama etnik yang mendiami kawasan pedalaman di Tanah Besar Asia dan China.

Salah sebuah negara di Asia Tenggara yang turut ditemui gendang gangsa ialah Thailand. Lokasi penemuan gendang gangsa adalah melibatkan hampir semua wilayah di Thailand termasuklah di kawasan perbatasan dengan negara jiran sama ada Myanmar (dahulu dikenali Burma), Laos, Vietnam dan Kemboja. Justeru itu objek ini digunakan dengan meluas oleh beberapa kumpulan etnik yang mendiami kawasan pedalaman termasuklah mereka yang tinggal di kawasan tanah tinggi atau pergunungan. Sungguhpun demikian penemuan gendang gangsa di Thailand tidaklah sebanyak penemuan di China atau Vietnam, namun dalam konteks penyelidikan arkeologi serantau ia tetap memberi sumbangan yang besar. Justeru itu, objektif penulisan artikel ini adalah untuk membincangkan mengenai sejarah penemuan dan penemuan gendang gangsa di Thailand supaya ia dapat difahami dengan jelas oleh orang awam.

## LATAR BELAKANG

Perkataan Thailand atau nama dalam bahasa Thai disebut 'Prathet Thai' bermaksud 'bebas'. Sebelumnya kerajaan ini dikenali 'Siam' sebelum ia ditukarkan kepada 'Thailand' bermaksud 'negara bebas' (Peleggi 2007). Salah satu ciri yang unik tentang negara ini ialah ia tidak pernah dijajah oleh mana-mana kuasa penjajah sebagaimana yang berlaku kepada jirannya yang lain. Dari segi sistem pentadbiran, Thailand dibahagikan kepada 75 Changwat di mana ia dibahagikan pula kepada lima (5) kumpulan (Patit Paban Mishra 2010). Di samping itu, terdapat juga dua (2) daerah khas di mana salah satunya adalah Bangkok. Setiap Changwat dibahagikan pula kepada daerah yang kecil. Sehingga tahun 2000, Thailand mempunyai sebanyak 796 daerah, 80 sub-daerah dan 50 daerah Bangkok (khet).

Dari segi lokasi, Thailand disempadani oleh beberapa buah negara ASEAN seperti Malaysia (sebelah selatan), Laos (sebelah utara dan timur laut), Kemboja (sebelah timur) dan Myanmar (sebelah barat) (Peleggi 2007). Di bahagian selatan Thailand menganjur ke arah selatan bersempadan dengan Semenanjung Malaysia, Laut Andaman terletak di sebelah barat, manakala Teluk Siam pula berada di sebelah timur. Ibu negeri Thailand adalah Bangkok yang terletak di kawasan Lembah Menam Choparaya dengan kira-kira 6.6 juta orang penduduk (anggaran tahun 2003) yang mendiami kota tersebut (London 2008). Sungai utama yang mengalir di Thailand adalah Sungai Chao Phraya yang mengalir sejauh 372 km dari kawasan tengah Thailand hingga ke Bangkok. Di samping itu, terdapat banyak lagi sungai yang mengalir di Thailand seperti Sungai Ping, Sungai Pak Sak, Sungai Sakae Krang, Sungai Wang, Sungai Chin dan sebagainya. Aliran sungai

ini berpunca dari kawasan utara yang bergunung ganang dan mengalir ke kawasan selatan yang lebih rendah terutamanya di Lembah Menam yang subur untuk aktiviti pertanian.

Mengikut bancian yang dikeluarkan pada tahun 2009, jumlah penduduk Thailand adalah seramai 67 juta orang (Patit Paban Mishra 2010). Dari segi demografi, selain daripada etnik Thai, negara ini juga didiami oleh pelbagai etnik minoriti yang kebanyakannya mendiami kawasan pedalaman yang kadang kala disebut sebagai '*hill tribe*'. Antaranya adalah seperti etnik Mon, Karen (Yang), Hmong (Meo), Padaung, Akha, Lahu (Musur), Lisu, Mien (Yao) dan beberapa etnik lagi (Peleggi 2007). Etnik China merupakan kelompok etnik minoriti yang terbesar sekali di Thailand, kemudian diikuti oleh etnik Melayu, Khmer, Laos, Vietnam, India dan lain-lain. Kira-kira 68% penduduk Thailand tinggal di kawasan luar bandar dengan menjalankan aktiviti pertanian sebagai sektor utama. Dari segi agama dan kepercayaan, 90% penduduknya adalah beragama Buddha (aliran Buddha Theravada), namun agama lain turut dianuti seperti agama Islam yang merupakan agama kedua terbesar di Thailand, agama Kristian dan lain-lain lagi (London 2008). Bahasa pertuturan utama Thailand adalah bahasa Thai, ia terdiri daripada 44 konsonan dan 32 vokal. Namun bahasa lain juga turut digunakan seperti bahasa Melayu di kawasan selatan Thailand dan beberapa bahasa etnik yang lain yang berselerak di seluruh pelosok negara yang tersebut (Patit Paban Mishra 2010).

## SEJARAH PENYELIDIKAN ARKEOLOGI DI THAILAND

Sebagaimana negara lain di Asia Tenggara, Thailand juga mempunyai sejarah dalam penemuan beberapa jenis artifak dan kewujudan tapak arkeologi. Salah satu tapak arkeologi zaman prasejarah yang terkenal di Thailand ialah Ban Chiang. Tapak ini merupakan sebuah bandar kecil yang terletak di kawasan tanah tinggi di timur laut Thailand iaitu di wilayah Udon Thani. Selain terkenal dengan pengeluaran padi, Ban Chiang juga merupakan sebuah pusat penyelidikan arkeologi terbesar di Thailand dengan keluasan kira-kira 8 hektar (20 ekar). Ekskavasi yang dijalankan di tapak ini bermula sejak tahun 1967 dan menemui bukti wujudnya petempatan masyarakat prasejarah seawal kira-kira 3,600 SM hingga 200 SM. Jumpaan yang paling terkenal di tapak ini ialah tembikar berwarna merah sehingga lebih dikenali dengan 'Ban Chiang Ceramic Tradition' dengan lakaran pola hiasan berbentuk huruf 'S'. Selain tembikar, artifak lain yang turut ditemui adalah objek yang diperbuat dari gangsa dan besi serta beberapa alat batu yang menunjukkan wujudnya satu petempatan manusia awal di tapak tersebut (Higham 2002).

Hasil ekskavasi yang dijalankan secara kerjasama antara Thai Department of Fine Arts yang diketuai oleh Pisit Charoenwongsa dan kumpulan penyelidik dari University of Pennsylvania di beberapa tapak seperti Non Nok Tha, Ban Pak Top, Ban Tong dan Dong Klang telah membuktikan pentarikhan tapak ini di antara 500 SM hingga 200 SM. Analisis makmal penemuan di tapak tersebut telah dilakukan oleh Dr. Gary Carriveau dari *Metropolitan Museum and the Brookhaven National Laboratory*, Drs. Robert Maddin dan Tamera Wheeler dari *University of Pennsylvania* dan Dr. W.T. Chase dari *Freer Gallery of Art* (Pisit Charoenwongsa 1978). Jumpaan di tapak ekskavasi tersebut kebanyakannya adalah objek yang diperbuat daripada gangsa seperti gelang tangan, cincin, gelang kaki, mata lembing bersoket, kapak, kapak rencong, belati, beberapa loceng gangsa, mata pancing dan beberapa peralatan untuk *casting metal*. Pentarikhan C14 yang dibuat dalam tahun 1974 menunjukkan mata lembing bersoket adalah objek paling awal iaitu sekitar 3600 SM, cincin (500 SM) dan beberapa acuan untuk membuat peralatan gangsa (1600-1300 SM). Berdasarkan analisis ke atas jumpaan artifak di tapak tersebut jelas membuktikan bahawa Ban Chiang dan Non Nok Tha di Thailand merupakan lokasi terawal bagi industri logam di Asia Tenggara (Higham 2002).

Tapak arkeologi zaman prasejarah di Thailand yang seterusnya ialah Phu Phra Bat. Pada tahun 1981, tapak ini diisytiharkan sebagai Taman Bersejarah Nasional dan ia dibuka kepada orang ramai pada tahun 1992. Tapak prasejarah ini penting kerana adanya penemuan lukisan prasejarah, tapak candi era Dvaravati dan ukiran batu Khmer (Nandana Chutiwongs 2000). Lokasi taman bersejarah ini terletak di wilayah Udon Thani di Timur Laut Thailand merupakan kawasan bukit yang berhutan dengan formasi batuan semula jadi yang terdiri daripada gua batu kapur. Gua-gua ini dipercayai digunakan oleh masyarakat zaman prasejarah sebagai tempat berlindung dan sebagai tempat beribadat berdasarkan adanya imej Buddha yang terdapat di kawasan tapak ini (IAT

Tourism Authority of Thailand license 2010). Selain tapak ini terdapat beberapa tapak lagi yang membuktikan bahawa Thailand juga mengalami perkembangan zaman Prasejarah yang hampir sama dengan kebanyakan negara lain di Asia Tenggara. Umpamanya, selain Phu Phra Bat, antara tapak Neolitik di Thailand ialah Ban Khao. Manakala tapak zaman Logam pula ialah Non Nok Tha, Non Nong Chik, Non Pa Kluay, Non Praw, Ban Na Di, Ben Lum Khao dan Nong Nor (Higham 2002).

## **PENEMUAN DAN TABURAN GENDANG GANGSA DI THAILAND**


Walaupun perbincangan mengenai gendang gangsa di Thailand tidak sebanyak penulisan tentang penemuan gendang gangsa Vietnam atau China, namun tidak dinafikan bahawa penemuan objek ini di negara tersebut juga amat penting khususnya dalam konteks penyelidikan arkeologi di Asia Tenggara. Tulisan mengenai penemuan gendang gangsa di Thailand pernah disentuh oleh Bernet Kempers dalam bukunya yang bertajuk *Kettledrums of Southeast Asia* yang diterbitkan dalam tahun 1988. Secara keseluruhannya buku ini membincangkan tentang penemuan gendang gangsa di seluruh Asia Tenggara dalam pelbagai aspek, antaranya sejarah penemuan, lokasi atau taburan, masyarakat yang mengamalkan, fungsi dan pola hiasan gendang gangsa yang ditulis secara mendalam. Secara tidak langsung perbincangan mengenai penemuan gendang gangsa di Thailand turut dibincangkan dalam buku tersebut sebagaimana jumpaan yang berlaku di negara lain di Asia Tenggara.

Selain itu, terdapat beberapa tulisan lain yang diketengahkan oleh sarjana yang membincangkan penemuan gendang gangsa di Thailand tetapi dalam konteks regional atau wilayah. Skop perbincangan secara tidak langsung bukan menyetengahkan tentang penemuan gendang gangsa di Thailand sahaja namun ia turut membincangkan penemuan di Indochina iaitu melibatkan negara Laos, Kemboja atau Vietnam. Umpamanya, artikel yang bertajuk '*Heger I type drum from Don Sane, Champassac, Laos and the Mekhong transportation*' dan diterbitkan dalam tahun 1995 telah ditulis oleh Niita Eiji. Selain itu, sebuah lagi tulisan Niita Eiji merupakan kertas kerja yang bertajuk '*The Mekong Basin toward society based on Heger I drums and Bronze Halberds. Excavation of Dai Trach: A Bronze Age settlement site in the Red River Plain*' dan dibentangkan *The 7<sup>th</sup> Congress Indo Pacific Academia Sinica, Taipei, Taiwan, R.O.C.* pada 5-9 September 2002. Secara amnya, kedua-dua tulisan tersebut membincangkan beberapa penemuan gendang gangsa khususnya daripada jenis Heger I di Thailand dan beberapa tapak lain di sekitar Sungai Mekong ataupun ia dibincangkan dalam konteks regional yang melibatkan Indochina. Sungguhpun demikian dalam konteks penyelidikan arkeologi, penemuan gendang gangsa di Thailand mempunyai signifikannya yang tersendiri. Hal ini demikian kerana tradisi penggunaan gendang gangsa turut diamalkan oleh sebilangan etnik yang mendiami beberapa kawasan tanah tinggi di Thailand.

Sebagaimana negara lain di Asia Tenggara, gendang gangsa juga dilaporkan ditemui di Thailand. Kedudukan tapak yang ditemui gendang gangsa di Thailand adalah berselerak dan ia ditemui hampir di seluruh wilayahnya. Kedudukan taburan tapak ini adalah berdasarkan hasil daripada penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik yang terdiri sama ada penyelidik tempatan atau penyelidik dari luar negara yang sering menjalankan kajian dari masa ke semasa sama ada di Thailand atau di kawasan lain di Indochina. Berdasarkan laporan didapati Thailand sering menjadi tumpuan penyelidik luar terutamanya dari Jepun, Sweden, Perancis, Australia dan Amerika Syarikat yang bergerak sama ada secara individu atau berkumpulan. Antara beberapa nama penyelidik tempatan yang pernah membuat kajian ialah Pisit Charoewongsa, Popkajorn, Damrikul, Worasaard, Warangkhan Rajpitak, Matinee Jirawathana dan beberapa orang lagi. Sementara penyelidik dari luar yang sering membuat kajian di Thailand ialah Charles Higham, Peter Bellwood, Charles Gorman, Niita Eiji, Yokokura, M., Peter Sorensen, Heekeren, Solheim dan ramai lagi penyelidik yang pernah terlibat. Selain kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar, informasi tentang gendang gangsa di Thailand juga diterbitkan dalam beberapa buah jurnal tempatan, antarabangsa dan juga dalam bentuk buku yang berbahasa Inggeris.

Salah satu tapak arkeologi yang terkenal di Thailand yang pernah ditemui gendang gangsa ialah Gua Ongbah. Tapak ini terletak di atas bukit antara Menam Kwae Yai dan Menam Kwae Noi di Kanchanaburi iaitu pada garis longitud 98°57' (Timur) dan garis latitud 14°41' (Utara).

Penyelidikan awal terhadap tapak ini dilakukan oleh Chin Yau-di dari Muzium Nasional Bangkok dengan melawat tapak tersebut pada tahun 1957. Pada tahun 1960 hingga 1962, satu ekspedisi oleh pasukan *Thai-Danish Prehistorian* pada tahun 1960 hingga 1962 dan telah berjaya menemui 4 fragmen gendang gangsa jenis Heger I. Kemudian ekspedisi kali kedua dilakukan pada tahun 1965-1966. Sebanyak tiga (3) pasang gendang gangsa ditemui di tapak Gua Ongbah. Walau bagaimanapun, didapati gendang gangsa tersebut tidak dimasukkan ke dalam keranda di tapak berkenaan, sebaliknya gendang-gendang tersebut diletakkan di luar keranda. Dua daripadanya berada di *The Gallery* yang terletak berhampiran dengan keranda kayu balak. Dua buah lagi gendang gangsa ditemui di *The Gallery* dan betul-betul berdekatan dengan keranda kayu balak juga. Keranda kayu balak tersebut diberikan pentarikhkan  $2180 \pm 100$  BP atau lebih kurang 230 BC. (Sorensen 1979).



Rajah 1. Ilustrasi rupa bentuk gendang gangsa Gua Ongbah  
 Sumber: Bernet Kempers 1988

Sementara sebuah lagi gendang gangsa ditemui di satu sudut yang paling gelap di *The Gallery* yang terletak di Gua Ongbah bersama-sama dengan keranda kayu balak yang masih dalam keadaan serpihan sahaja. Gendang gangsa yang ditemui pada mulanya dalam keadaan tertimbus di bawah tanah, namun akibat aktiviti oleh penggali tahi kelawar menyebabkan ia terdedah dan muncul di bahagian permukaan tanah. Seperti juga dengan penemuan gendang gangsa di beberapa tapak lain di Asia Tenggara, objek ini berfungsi sebagai *grave furniture* di samping objek lain seperti alat-alat besi dan juga pelbagai jenis manik. Selain itu Gua Ongbah merupakan salah sebuah tapak arkeologi yang penting di Thailand. Ini kerana tapak ini merupakan salah sebuah lokasi masyarakat yang mengamalkan tradisi pengebumian mayat di dalam perahu ataupun di dalam keranda kayu balak. Sebanyak enam (6) buah gendang gangsa ditemui di lokasi ini berhampiran dengan keranda kayu balak (Sorensen 1979). Walau bagaimanapun menurut Bernet Kempers, salah sebuah gendang gangsa yang ditemui tersebut adalah berukuran 62.4 cm tinggi dan diameter timpanum berukuran 44.3 cm (Kempers 1988).

Selain Gua Ongbah terdapat beberapa buah lagi tapak yang dilaporkan pernah ditemui gendang gangsa di Thailand. Umpamanya tapak yang terletak di kawasan utara Thailand antaranya ialah Uttaradit, Sukhothai, Tak dan Nan. Sementara itu tapak yang ditemui gendang gangsa di kawasan timur Thailand pula ialah Nakhon Phanom, Kalasin, Mukdahan dan Ubon Ratchathani. Bagi kawasan tengah Thailand pula ia ditemui di kawasan Kanchanaburi, Ratchanaburi dan Trat. Manakala di bahagian selatan Thailand pula antara tapak yang pernah dilaporkan ditemui gendang gangsa adalah seperti Chumphon, Surat Thani, Nakhon Si Thammarat dan Songkhla. Namun dipercayai masih terdapat beberapa tapak lagi yang ditemui gendang gangsa tetapi tidak diperoleh data yang lengkap. Antara punca utama yang menyebabkan maklumat tidak diperoleh dengan lengkap disebabkan oleh masalah bahasa. Hal ini demikian kerana kebanyakan laporan yang

disediakan oleh penyelidik tempatan lazimnya ditulis dalam Bahasa Thai menyebabkan ia gagal difahami oleh masyarakat luar. Selain itu ada juga penemuan yang dilaporkan disebabkan ia dikategorikan sebagai barangan antik dan mendapatkan pulangan yang lebih besar jika ia dijual di pasaran gelap.


Walau bagaimanapun setakat ini tiada data rasmi mengenai jumlah sebenar penemuan gendang gangsa yang terdapat di seluruh Thailand. Sungguhpun demikian sebarang penemuan gendang gangsa ia sering dilaporkan dari semasa ke semasa seiring dengan kajian yang dijalankan sama ada oleh penyelidik tempatan ataupun penyelidik dari luar. Tidak kurang juga laporan penemuan objek gendang gangsa juga adalah disebabkan oleh penemuan secara tidak sengaja oleh penduduk tempatan sama ada di kawasan perkampungan, sawah padi, tapak perkuburan atau lain-lain lokasi. Setakat ini tiada maklumat berkaitan dengan penemuan gendang gangsa di Thailand dalam bentuk angka yang tepat ataupun dalam sebuah dokumentasi yang lengkap sebagaimana yang dilakukan di negara Vietnam, Laos dan Malaysia. Sebaliknya kebanyakan maklumat berkaitan dengan gendang gangsa di Thailand lebih kepada tulisan akademik yang ditulis oleh beberapa sarjana dan juga dalam bentuk laporan hasil kajian yang dilakukan oleh para penyelidik.

Dalam konteks sejarah penemuan gendang gangsa di Thailand dalam catatan jelas menunjukkan terdapat beberapa laporan penemuan pernah diketengahkan. Umpamanya penemuan sebuah gendang gangsa pernah dilaporkan dalam tahun 1961 ditemui di Chiang Mai. Saiz gendang gangsa ini dengan ukuran ketinggian badannya kira-kira 293 mm, diameter timpanum 440 mm dan kelebaran tapaknya adalah berukuran 490 mm. Dari segi rupa bentuk dan pola hiasan didapati gendang gangsa ini mempunyai persamaan dengan gendang gangsa daripada jenis Heger I atau gendang Dongson (Heekeren 1970).

Selain itu, Niita Eiji juga pernah melaporkan penemuan sebanyak lima (5) buah gendang gangsa di beberapa tapak yang terletak di kawasan tanah tinggi Khorat, Thailand dan juga Lembangan Sungai Mekong. Antaranya ialah penemuan sebuah gendang gangsa di Don Tan, gendang Ban Chi Thwang, gendang Ban Na Pho, gendang Pakthaongchai dan gendang Kamcha I (Nitta 2000). Gendang Don Tan ditemui di sebuah pulau kecil yang terletak di Lembangan Sungai Mekong dan berhampiran dengan sempadan Laos. Gendang gangsa ini dipercayai mempunyai kaitan dengan pengebumian ditemui di lapisan kebudayaan kira-kira 2 meter dari permukaan tanah (Niita 1994). Tapak ini terletak berhampiran dengan bandar Mukhdahan yang menjadi lokasi pertemuan sistem pengangkutan melalui sungai di tanah tinggi Khorat yang menghala ke Vietnam. Gendang Ban Pho Tai ditemui sebuah lokasi dikenali Ban Pho Tai yang terletak di kawasan pertemuan Sungai Mekong dan Sungai Lam Nam Phai, iaitu tidak jauh dari kuala Sungai Mun (Damrikul & Worasard 1980). Sementara gendang Ban Chi Thwang ditemui di sebuah lokasi strategi dikenali Ban Chi Thwang yang terletak di pertemuan Sungai Mun dan Sungai Chi yang juga merupakan lokasi penting bagi kawasan lembangan Sungai Mekong dan tanah tinggi Khorat. Menurut Niita Eiji, kesemua gendang gangsa yang ditemui tersebut adalah dari jenis Heger I (Niita 2005). Sebuah lagi gendang gangsa ditemui di Gua Khao Kwak yang terletak di wilayah Ratburi, utara Thailand. Gendang Gua Khao Kwak ini ditemui dalam bentuk serpihan bersama dengan beberapa mangkuk gangsa dan manik kaca. Gendang gangsa ini didapati hampir menyerupai gendang gangsa Ban Don Ta Phet yang ditemui di wilayah Kanchanaburi (Niita 2005).

Sementara itu, menurut Matinee Jirawathana pula, setakat tahun 2004 sebanyak empat puluh lapan (48) buah gendang gangsa telah ditemui di seluruh Thailand. Sementara itu sebanyak sebelas (11) buah gendang gangsa telah ditemui di bahagian selatan Thailand iaitu empat (4) buah gendang gangsa ditemui di wilayah Nakhon Si Thammarat, tiga (3) buah di wilayah Surat Thani, dua (2) buah di Khao Sam Kaeo (tapak arkeologi Chumpon) dan dua (2) buah lagi di wilayah Songkla (Matinee Jirawathana 2004). Gendang gangsa ini telah dipamerkan di beberapa buah muzium seperti Prachinburi National Museum, *Chumpon National Museum*, Chaiya National Museum di wilayah Surat Thani, *Nakhon Si Thammarat Museum* dan *Songkhla National Museum* dan *Institute of Southern Studies in Sri Nakharinwirot University, Songkhla Campus*. Menurut Matinee Jirawathana lagi, pentarikhkan yang dilakukan ke atas kesemua gendang gangsa berkenaan didapati ia telah dihasilkan kira-kira 700 BC hingga 5 AD. Di samping itu gendang gangsa di Thailand juga ditemui di beberapa kawasan tanah

tinggi yang terletak berhampiran dengan sempadan Thailand-Myanmar dan juga sempadan Thailand-Laos (Matinee Jirawathana 2004). Antara lokasi tersebut adalah di Ban Gaw (sebuah), Ban Chiang (sebuah), Uttaradit (4 buah), Ongbah (6 buah), Sukhotai (sebuah), utara Khorat (sebuah), Nakhon Srithamarat (4 buah) dan Beelarts drum (sebuah). Secara keseluruhannya, taburan lokasi penemuan gendang gangsa di Thailand adalah seperti yang dipaparkan dalam peta berikut.



Peta 1. Taburan lokasi penemuan gendang gangsa di Thailand  
 Sumber: Diolah dan diubahsuai dari Niita Eiji 2005

Sementara itu, dalam jadual berikut pula menunjukkan data butiran penemuan gendang gangsa di kawasan selatan Thailand sehingga tahun 2004.







Jadual 1. Penemuan gendang gangsa di bahagian selatan Thailand

Bil	Nama gendang gangsa	Lokasi penemuan	Tarikh jumpaan	Catatan
1	No. 223/2525	Khao Sum Kaeo, daerah Mueang, wilayah Chunphon, selatan Thailand	1985	Diameter: 72 cm Ketinggian: 56 cm
2	No. 224/2525	Khao Sum Kaeo, daerah Mueang, wilayah Chunphon, selatan Thailand	1985	Diameter: 18 cm Ketinggian: 16.5 cm
3	No. 478	Chaiya, wilayah Surat Thani, Thailand	Tiada tarikh yang tepat	Diameter: 51 cm Ketinggian: 30 cm
4	No. 3/21	Kampung Taling Ngam, daerah Ko Samui, wilayah Surat Thani, Thailand	Tiada tarikh yang tepat	Diameter: 69.5 cm Ketinggian: 53.5 cm
5	No. 1/2511	Tha Ruea, daerah Mueang, wilayah Nakhon Si Thammarat, Thailand	1968	Diameter: 81.5 cm Ketinggian: 38 cm
6	No. 1/2512	Wat Khi Lek, daerah Phun Phin, wilayah Surat Thani, Thailand	1969	Diameter: 51 cm Ketinggian: 44 cm
7	No. 82/2526	Cha Nong, daerah Cha Na, wilayah Songkhla, Thailand	Tiada tarikh yang tepat	Diameter: 35-36 cm Lebar: 30 cm
8	No. KP.7	Khlong Kut Dan, wilayah Nakhon Si Thammarat, Thailand	1939	Diameter: 44 cm Ketinggian: tiada data
9	TKS. 78/41-3611051	Sa Kaeo, wilayah Nakhon Si Thammarat, Thailand	Tiada tarikh yang tepat	Diameter: 44.5 cm Ketinggian: tiada data
10	TKS. 79/41-253.221	Sa Kaeo, daerah Tha Sala, wilayah Nakhon Si Thammarat, Thailand	Tiada tarikh yang tepat	Diameter: tiada data Ketinggian: tiada data
11	TSK. 1/41-3611051	Ban Pa Krai, daerah Yala, wilayah Nakhon Si Thammarat, Thailand	Tiada tarikh yang tepat	Diameter: 18.4 cm Ketinggian: - tiada data
12	TSK. 2/41	Cha Na, wilayah Songkhla, Thailand	1997	Diameter: tiada data Ketinggian: tiada data
13	Gua Ongbah	Wilayah Kanchanaburi, Thailand	Tiada tarikh yang tepat	Diameter: 44.3 cm Ketinggian: tiada data

*Sumber:* Matinee Jirawathana 2004

Rajah berikut memaparkan ilustrasi struktur fizikal atau rupa bentuk badan gendang gangsa yang ditemui di bahagian selatan Thailand. Secara amnya, berdasarkan rupa bentuk tersebut menunjukkan gendang gangsa berkenaan adalah tergolong dalam klasifikasi daripada jenis gendang Heger I.



**Gendang No. 223/2525****Gendang No. 224/2525****Gendang No. 478****Gendang No. 3/21****Gendang No. 1/2511****Gendang TSK. 1/41-3611051**

Rajah 2. Ilustrasi rupa bentuk beberapa buah gendang gangsa di bahagian selatan Thailand

*Sumber:* Matinee Jirawathana 2004

## KLASIFIKASI GENDANG GANGSA DI THAILAND

Secara umumnya, klasifikasi gendang gangsa yang diguna pakai adalah berdasarkan klasifikasi yang diperkenalkan oleh Franz Heger pada tahun 1902. Pada tahun 1902 Franz Heger telah mencadangkan klasifikasi yang piawai bagi semua gendang gangsa yang ditemui kepada empat (4) jenis klasifikasi iaitu gendang gangsa Heger I, Heger II, Heger III dan Heger IV. Klasifikasi yang diperkenalkan oleh beliau ini masih lagi digunakan oleh para penyelidik khususnya yang berkaitan dengan gendang gangsa di Asia Tenggara dan China sehingga ke hari ini (Adnan Jusoh 2020). Franz Heger membuat klasifikasi terhadap gendang gangsa yang dijumpai di kawasan Dongson (Vietnam) sebagai gendang gangsa yang paling awal. Gendang gangsa jenis ini telah diklasifikasikan sebagai gendang gangsa Heger I (Leong Sau Heng 2002).

Sehubungan dengan itu, jika dilihat dari aspek jenis atau klasifikasi gendang gangsa didapati terdapat dua jenis yang utama. Hal ini adalah berdasarkan klasifikasi yang dibuat oleh Franz Heger, gendang gangsa yang ditemui di Thailand adalah terdiri daripada dua jenis iaitu gendang Heger I dan gendang Heger III (Kempers 1988). Gendang gangsa daripada jenis Heger I yang ditemui di Thailand adalah hampir sama dengan jumpaan di Vietnam berdasarkan pola hiasan dan lakaran motif yang terdapat pada timpanum dan badan gendang gangsa yang ditemui. Bernet Kempers menyatakan bahawa gendang gangsa dari jenis Heger III juga telah ditemui di Thailand. Terdapat beberapa buah gendang gangsa jenis telah digunakan sebagai objek penting dalam urusan berkaitan dengan pemerintahan, malahan ia juga digunakan di istana diraja di Bangkok dan di beberapa kuil Buddha yang tertentu di Thailand dan Kemboja (Kempers 1988). Pendapat ini turut disokong oleh Leong Sau Heng yang menyatakan gendang Heger III pernah dijumpai di Laos, Kemboja, Thailand, tetapi lokasi yang paling banyak ditemui ialah dalam kalangan masyarakat Karen di Burma (Leong Sau Heng 2002).

Walau bagaimanapun berdasarkan pemerhatian pada gambar mengenai beberapa gendang gangsa yang dikatakan berasal dari Thailand menerusi capaian internet didapati pola tersebut sudah berubah. Hal ini demikian kerana terdapat rupa bentuk gendang gangsa di Thailand menunjukkan ia tidak lagi terikat kepada gendang gangsa daripada jenis Heger I dan Heger III. Walaupun ciri asasnya masih ada namun terdapat elemen baharu yang terdapat pada gendang gangsa tersebut terutama dari aspek rupa bentuk dan pola hiasannya sebagaimana gambar berikut. Dalam hal ini

penulis lebih cenderung menyatakan bahawa perubahan disebabkan beberapa faktor. Antaranya ialah terdapat kemungkinan beberapa etnik yang terdapat di kawasan pergunungan dan masih lagi menggunakan objek ini sebagai sebahagian dalam sosiobudaya mereka telah membuat adaptasi dengan perubahan semasa. Justeru itu beberapa elemen baharu telah diterapkan sebagai sebahagian daripada pola hiasan supaya ia sesuai dengan masa dan fungsi masa kini. Faktor seterusnya ialah terdapat usaha oleh beberapa pihak tertentu yang cuba mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan disebabkan objek ini sebagai warisan, maka ia disesuaikan untuk kegunaan semasa seperti meja perhiasan, hiasan sudut atau ruang tertentu. Dengan kata lain gendang gangsa ini dikategorikan sebagai produk baharu dan tidak mempunyai kaitan dengan produk yang dihasilkan pada zaman Logam. Sebaliknya produk yang dihasilkan ini adalah semata-mata untuk tujuan komersil atas nama produk warisan zaman prasejarah. Impak buruk daripada perkembangan ini ialah produk ini beredar di pasaran barangan antik dengan harga yang tinggi walaupun ia sebenarnya bukanlah objek tinggalan warisan zaman Logam yang asli sebenarnya.

## MASYARAKAT PENGAMAL GENDANG GANGSA DI THAILAND

Gendang gangsa merupakan salah sebuah objek yang popular digunakan oleh beberapa kelompok etnik di kawasan tanah besar Asia. Menurut Bernet Kempers, antara suku etnik yang dipercayai menggunakan gendang gangsa di kawasan tanah besar Asia ialah seperti dalam Jadual 2 berikut;

Jadual 2. Etnik dan sub-etnik yang menggunakan gendang gangsa di Asia Tenggara dan China

Bil	Negara	Etnik dan sub-etnik/wilayah
1	China	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Yunnan, Kweichow dan Kwangsi</li> <li>• Muong (di bahagian Tongkin)</li> <li>• Miao-tse</li> <li>• Lolo</li> <li>• etnik Zhuang (selatan China)</li> <li>• etnik Han</li> </ul>
2	Vietnam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• etnik Yueh atau Viet</li> <li>• Muong</li> <li>• Hmong</li> <li>• Khmmu (utara Vietnam)</li> <li>• Khammu</li> </ul>
3	Laos	<ul style="list-style-type: none"> <li>• etnik Miao, Liao, Lolo dan Yuch, etnik Lamet, Khmu di Laos</li> <li>• Kha (etnik Laos yang bertutur dalam bahasa Thai)</li> </ul>
4	Kemboja	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Moi (terdapat di Vietman dan di Cambodia)-mempunyai pertalian dengan etnik Mon Khmer</li> </ul>
5	Burma	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karen, Shan, Lammet &amp; Kammu (suku ini mempunyai pertalian dengan suku yang tinggal di kawasan pedalaman di kawasan utara Laos)</li> <li>• etnik Tai Yai</li> <li>• Inthas (timur Burma dan sebahagian daripada etnik ini terdapat di kawasan barat laut Thailand)</li> </ul>

*Sumber:* Bernet Kempers 1988

Sementara itu, dalam konteks negara Thai, terdapat beberapa suku atau etnik yang dipercayai pernah dan masih menggunakan gendang gangsa dalam kehidupan seharian mereka. Kebanyakan etnik tersebut biasanya merupakan kelompok minoriti yang mendiami kawasan tanah tinggi atau kawasan pergunungan di beberapa bahagian negara Thai. Kebiasaannya mereka ini dikenali sebagai masyarakat atau kumpulan etnik yang tinggal di kawasan tanah tinggi atau kawasan pergunungan, biasanya dirujuk oleh beberapa sarjana sebagai '*hill tribe*'. Antaranya ialah etnik Lawa, Lahu, Lisu, Karen (sebahagian etnik Karen terdapat di bahagian barat Thailand dan sebahagian lagi etnik Karen adalah terdapat di Myanmar), etnik Meo dan Muong (suku etnik Thai hitam dan Thai putih)

(Kempers 1988). Menurut Patit Paban Mishra, antara etnik minoriti yang kebanyakan mendiami kawasan pedalaman Thailand (kadang kala disebut masyarakat pergunungan) ialah etnik Akha, Hmong (Meo), Karen, Lisu, Lahu dan Mien (Patit Paban Mishra 2010). Sementara itu menurut Matinee Jirawathana pula, gendang gangsa turut digunakan oleh sebahagian etnik yang tinggal di kawasan tanah tinggi terutama di bahagian utara Thailand (Matinee Jirawathana 2004). Fenomena ini menunjukkan wujud sebahagian masyarakat atau kumpulan etnik yang mengamalkan gendang gangsa dalam kehidupan seharian mereka semenjak ratusan tahun lampau dan warisan budaya ini masih diteruskan sehingga kini. Tradisi ini dapat bertahan disebabkan ia juga masih terus diamalkan oleh beberapa kumpulan etnik yang sama terutama di perbatasan negara jiran Thailand sama ada di Burma, Laos, Vietnam, Cambodia atau China.

## **FUNGSI GENDANG GANGSA**

Secara umumnya, penggunaan gendang gangsa dalam kehidupan seharian masyarakat di Thailand boleh dikatakan hampir sama dengan masyarakat lain yang berada di Asia Tenggara. Antara fungsi gendang gangsa adalah sebagai alat muzik terutama semasa berlangsungnya sesuatu pesta atau majlis keramaian. Malahan ia juga pernah dijadikan sebagai objek penting untuk memaklumkan sesuatu kejadian penting atau peristiwa tertentu seperti perang dengan memukul gendang gangsa (Adnan Jusoh 2014). Selain itu, gendang gangsa juga digunakan dalam upacara berkaitan dengan sosiobudaya masyarakat seperti ritual pengebumian. Gendang gangsa menjadi objek penting yang digunakan terutama yang berkaitan dengan upacara pengebumian tokoh masyarakat atau individu yang berjasa. Terdapat sesetengah tempat gendang gangsa tersebut akan dikebumikan bersama pemiliknya selepas meninggal dunia. Bagi sesetengah komuniti pula gendang gangsa merupakan objek yang diwarisi daripada bapa kepada anaknya setelah beliau meninggal dunia. Gendang gangsa juga digunakan dalam upacara ritual untuk memuja roh nenek moyang yang telah meninggal dunia (Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman 1998).

Selain itu, gendang gangsa juga digunakan sebagai objek penting khususnya untuk upacara ritual memanggil hujan. Ritual ini penting kerana umumnya masyarakat pengguna objek ini terlibat dalam kegiatan pertanian yang bergantung kepada air hujan untuk kesuburan tanah (Adnan Jusoh 2021). Tidak kurang juga gendang gangsa dijadikan objek hantaran khususnya untuk pasangan yang hendak mendirikan alam rumah tangga sebagaimana yang diamalkan oleh masyarakat di Alor, Indonesia (Gede 1995). Sementara di kawasan utara Laos pula, pawang akan menggunakan darah ayam yang disembelih dan disapukan kepada permukaan gendang gangsa untuk tujuan perubatan dalam kalangan etnik Khmou, Thai, Lamet, Miao dan Yao (Li Fuqiang 2014). Justeru itu disebabkan oleh kepelbagaian fungsinya maka gendang gangsa menjadi rebutan dalam kalangan masyarakat sehingga menyebabkan ia juga turut diperdagangkan. Malahan bagi sesetengah komuniti mereka akan mengumpulkan gendang gangsa dengan sebanyak-banyaknya dengan tujuan untuk mendapatkan status dalam kalangan masyarakatnya. Dengan kata lain gendang gangsa adalah lambang kekayaan, kemewahan dan boleh meletakkan status seseorang pemilik berada di tempat yang istimewa dan tinggi dalam hierarki masyarakat (Adnan Jusoh 2014).

## **PENEMUAN TERKINI DI THAILAND**

Pada 28 April 2020 yang lalu, Thailand Fine Arts Department, Kementerian Kebudayaan Thailand melaporkan penemuan sebuah gendang gangsa yang boleh dianggap sebagai salah satu penemuan yang terkini khususnya di Thailand. Penemuan gendang gangsa yang dianggap mempunyai signifikan dengan kebudayaan Zaman Logam ini telah ditemui di Mukdahan Province, timur laut, Thailand. Penemuan ini dianggap menarik kerana objek seperti ini juga dilaporkan turut ditemui di beberapa buah negara di Asia Tenggara seperti Burma, Vietnam, Laos, Cambodia, Malaysia dan Indonesia. Berita penemuan ini telah disiarkan dalam *Facebook Asean Heritage & History*, bertarikh 1 Mei 2020.



Rajah 3. Penemuan gendang gangsa terkini di Thailand  
*Sumber:* Thailand Fine Arts Department 2020

Berdasarkan penelitian pada rupa bentuk objek yang baharu ditemui ini adalah daripada jenis Heger I atau dikenali juga dengan gendang Dongson. Ia diperkukuhkan lagi dengan pola hiasan yang dipaparkan pada objek tersebut yang menunjukkan ia adalah daripada jenis yang sama dengan kebanyakan gendang Dongson yang ditemui di Vietnam. Antara motif hiasan yang dipaparkan ialah motif katak sebanyak empat (4) ekor yang terdapat di atas timpanum. Selain itu, motif bintang atau matahari juga terdapat di bahagian tengah timpanum gendang dengan 12 bucu. Tiada butiran lengkap dari segi saiz atau ukuran yang diberikan berkaitan gendang gangsa tersebut. Namun jika dilihat berdasarkan gambar ia adalah bersaiz besar jika dibandingkan dengan saiz biasa kebanyakan gendang gangsa yang ditemui Laos atau Burma. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa objek ini adalah sebahagian daripada objek yang mewakili kebudayaan Dongson iaitu sejenis kebudayaan yang dikaitkan dengan Zaman Logam.



Rajah 4. Rupa bentuk gendang gangsa terkini di Thailand  
*Sumber:* Thailand Fine Arts Department 2020

### **GENDANG GANGSA DI THAILAND DAN HUBUNG KAITANNYA DENGAN KEBUDAYAAN DONGSON**

Salah satu aspek yang turut menjadi polemik berkaitan dengan gendang gangsa di Thailand ialah kebudayaan Dongson. Hal ini demikian kerana kebudayaan Dongson merupakan salah satu kebudayaan yang dikatakan tersebar di beberapa negara di Asia seperti Vietnam, Kemboja, Burma, Indonesia dan Malaysia (Adnan Jusoh 2016). Malahan Thailand juga dikatakan sebagai satu tempian daripada perkembangan pengaruh kebudayaan Dongson yang asalnya adalah berpusat di utara Vietnam dan juga selatan China (Solheim 1989). Pandangan ini menimbulkan andaian bahawa kemunculan gendang gangsa di Thailand lebih bersifat 'tempelan' kepada kebudayaan sedia ada

yang diamalkan oleh masyarakat tempatan. Umpamanya jika diperhatikan dalam tradisi pengebumian mayat di Thailand didapati ia tetap mempunyai kelainan walaupun ia diasosiasikan dengan gendang gangsa khususnya daripada jenis Heger I. Contoh yang jelas kepada kenyataan ini ialah tradisi pengebumian mayat di Gua Ongbah yang menunjukkan bahawa gendang Dongson hanya dijadikan *grave furniture* kepada pengebumian keranda kayu balak. Gua Ongbah terletak berhampiran dengan Sungai Kwai di wilayah Kanchanaburi di mana ditemui kira-kira sebanyak 90 keranda kayu balak yang dihiasi dengan motif binatang. Pentarikhan C-14 yang dilakukan ke atas gelang dan cebisan kayu dianggarkan berusia kira-kira 230 SM yang menggambarkan kewujudan petempatan awal masyarakat di kawasan tersebut (Sorensen 2002). Turut ditemui berhampiran dengan keranda kayu balak adalah enam (6) buah gendang gangsa, cawan, kalong yang diperbuat daripada manik dan batu permata yang menyaksikan elemen kekayaan dan kekuasaan pemiliknya. Menurutnya lagi, dipercayai kemungkinan bahan ini telah dibawa masuk dari kawasan *Three Pagoda Pass* yang sekarang terletak di sempadan Thailand dan Burma (Sorensen 2002).

Selain itu, tapak yang lain turut ditemui ialah Ban Don Ta Phet iaitu kawasan perkuburan yang terletak di bahagian barat pertembungan antara muara Sungai Kwae Yai dan Kwae Noi, Thailand. Di kawasan tapak ini ditemui kubur mewah bersama dengan batu permata daripada jenis carnelian, agate dan kaca, selain daripada artifak yang diperbuat daripada besi seperti mata dan cangkuk anak panah, dekorasi yang diperbuat daripada gangsa seperti *carnelian lion* yang menunjukkan persamaan dengan objek gangsa dari Nilgiri, India, dikaitkan dengan agama Buddha. Penemuan ini menunjukkan bahawa pada abad ke-3 SM dan 4 SM objek tersebut dibawa dari India ke kawasan *Three Pagoda Pass* menerusi perdagangan dan dibawa oleh pedagang India untuk ditukarkan dengan rempah, emas dan gangsa (Sorensen 2002). Sementara itu, sebanyak lima (5) buah gendang gangsa turut ditemui di tapak Gua Thung Yang yang terletak di wilayah Uttarandit, utara Thailand. Kawasan ini merupakan laluan tradisi yang menyambungkan aktiviti masyarakat yang mendiami kawasan selatan China, Laos dan Thailand menerusi Sungai Nan dan Sungai Mekong. Kawasan ini telah menyumbang sebanyak 34 buah gendang gangsa untuk Thailand, beberapa buah lagi ditemui di sepanjang Sungai Mekong, 4 buah di kawasan Sawannakhet, Laos dan 5 buah lagi di sempadan Thailand-Laos iaitu di sekitar Ubon yang terletak di bahagian tenggara Thailand.

Justeru itu, dengan adanya penemuan sejumlah gendang gangsa di beberapa kawasan di Thailand dan kawasan sekitarnya secara tidak langsung ia juga sering dihubungkan dengan kebudayaan Dongson. Walaupun kebudayaan ini tidak diamalkan secara keseluruhan namun dipercayai ada beberapa elemen tertentu yang menjadi ciri tipikal kebudayaan Dongson secara tidak langsung dipraktikkan oleh sebahagian etnik yang terdapat di beberapa kawasan pedalaman di Thailand. Contohnya, hal ini dibuktikan dengan adanya penggunaan dan pengamalan gendang gangsa dalam sosiobudaya dan kehidupan seharian masyarakat di Thailand seolah-oleh menyokong pandangan tersebut. Tambahan pula etnik yang menggunakan gendang gangsa tersebut bukan hanya berada di kawasan Thailand sahaja malahan mereka juga mempunyai pertalian darah dan sosiobudaya dengan etnik yang berada di negara jiran sama ada di negara Laos, Myanmar, Vietnam dan Kemboja. Secara tidak langsung beberapa aspek yang menjadi ciri kebudayaan Dongson turut diamalkan oleh beberapa etnik di Thailand.

## **KESIMPULAN**

Realitinya, tanpa membincangkan penemuan gendang gangsa di Thailand seolah-olah sejarah dan perkembangan kebudayaan Zaman Logam di Asia Tenggara kurang lengkap. Hal ini demikian kerana terdapat penemuan sejumlah gendang gangsa hampir di seluruh wilayah Thailand yang jelas membuktikan ia merupakan sebuah objek yang amat penting dalam kehidupan manusia semenjak dari Zaman Logam lagi. Di samping itu, rupa bentuk atau struktur fizikal gendang gangsa yang ditemui di Thailand juga didapati hampir sama dengan kebanyakan gendang gangsa yang ditemui di beberapa negara lain di Asia Tenggara dan China. Perkembangan ini secara tidak langsung menunjukkan gendang gangsa yang ditemui di Thailand adalah amat signifikan dalam konteks sejagat. Tambahan pula ia masih berada dalam lingkaran sosiobudaya dan tradisi yang sama dengan masyarakat yang lain di Asia Tenggara dan China.

Walau bagaimanapun tidak semua gendang gangsa yang ditemui di Thailand adalah hasil daripada penyelidikan arkeologi atau hasil kerja-kerja ekskavasi, namun terdapat juga penemuan yang berlaku adalah secara tidak sengaja oleh individu semasa mereka melakukan kerja sama ada di sawah, kawasan kampung, tapak perkuburan atau sebagainya. Malahan kebanyakan penemuan gendang gangsa di Thailand juga adalah dalam keadaan tidak lengkap dan sesetengahnya berupa serpihan yang tidak begitu sempurna. Sungguhpun demikian kesemua penemuan tersebut amat penting khususnya dalam menyumbangkan informasi tentang sejarah dan perkembangan gendang gangsa di Thailand yang selama ini kurang diketahui oleh masyarakat luar. Di samping itu, dengan adanya penemuan tersebut ia dapat menjelaskan hubung kait antara kumpulan etnik serantau dalam konteks pencapaian teknologi dan peradaban manusia semenjak ia dihasilkan pada Zaman Logam hingga kini.

## RUJUKAN

- Adnan Jusoh. 2021. Sejarah penyelidikan dan penemuan gendang gaangsa di Laos. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 34: 1-14.
- Adnan Jusoh. 2020. Gendang gangsa di Asia Tenggara dan China berdasarkan klasifikasi Franz Heger. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 33: 91-104.
- Adnan Jusoh. 2016. Kebudayaan Dongson di Asia Tenggara: Satu tafsiran berdasarkan penemuan arkeologi. *Jurnal PURBA* 35: 1-28.
- Adnan Jusoh. 2014. *Gendang Dongson di Semenanjung Malaysia: Asal usul dan signifikansi*. Batu Pahat: UTHM.
- Damrikul, S & S. Worasaard. 1980. Highlight of the National Museum at Ubonratchathani. *Muang Baran Journal* 16(1): 106-111.
- Gede, D. K. 1995. Fungsi Moko dalam kehidupan masyarakat. Alor. *Forum Arkeologi* II: 72-83.
- Heekeren, H.R. 1970. A metal kettle-drum recently discovered in North-Western Thailand. Dlm. *Bijdragen tot de Taal-Land- en Volkenskunde* 126(4). Leiden: KITLV-journals.
- Hingam, C. 2002. *Early Cultural Mainland Southeast Asia*. Thailand: River Books.
- Kempers, B. 1988. *Kettledrums of Southeast Asia*. Rotterdam: A.A. Balkema Publishers.
- Leong Sau Heng. 2002. Heger 1 Type Drums found in Malaysia: Some comments on the significances of these finds. Kertas Kerja International seminar on Dongson Culture and tradition in Southeast Asia. Muzium Negeri Terengganu, Malaysia. 14-17 Januari.
- Li Fuqiang. 2014. *Bronze drum of China-Southeast Asia (Laos Vollume)*. China: Centre for ethnic studies, Guangxi University for Nationalities and Guangxi People's Publishing House Co. Limited.
- London, E. 2008. *Thailand Condensed*. Singapore: Marshall Cavendish.
- Matinee Jirawathana. 2004. The bronze kettle drums in Southern Thailand. Dlm. *Proceeding of the Seminar on Thailand-Malaysia Malay Peninsula Archaeology Programme*, hlm. 63-78. 4-10 September.
- Nandana Chutiwongs. 2000. *Phu Phra Bat: A Remarkable Archaeological Site in Northeastern Thailand*. [http://www.siamesheritage.org/jsspdf/1991/JSS\\_088\\_0h\\_NandanaChutiwongs\\_PhuPhraBat.pdf](http://www.siamesheritage.org/jsspdf/1991/JSS_088_0h_NandanaChutiwongs_PhuPhraBat.pdf)
- Niita Eiji. 2005. Heger I drums, bronze halberds and ranked societies in the Mekong Basin. *Bulletin of the Indo-Pacific Prehistory Association* 25.
- Niita Eiji. 2002. The Mekong Basin toward society based on Heger I drums and Bronze Halberds. Excavation of Dai Trach: A Bronze Age settlement site in the Red River Plain. Kertas Kerja The 7<sup>th</sup> Congress Indo Pacific Academia Sinica, Taipei, Taiwan. R.O.C. September 9-5.
- Niita Eiji. 2000. Heger I drums found in the Mekhong Basin. Dlm. Niita Eiji (editor). *Archaeological Study of the Mekhong Civilization*. Kagoshima: Kagoshima University.
- Niita Eiji. 1994. Newly found Heger I drums on Sane Island, Champassac, South Laos and the Mekong Basin and their meanings. *Historical Sciences Reports*. Kagoshima: Kagoshima University 41:9-23.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. 1998. *Early History*. 4. Singapore: Archipelago Press.
- Patit Paban Mishra. 2010. *The History of Thailand*. Santa Barbara, California: The Greenwood History of the Modern Nations.
- Pearson, R. t.th. Dong S'on and its origins. *Bulletin of the Institute of Ethnology Academia Sinica* 13: 27-53.



- Peleggi, M. 2007. *Thailand - The Worldly Kingdom*. London: Reaktion books Ltd.
- Pisit Charoewongsa. 1972. Early Southeast Asian bronze in the light of excavation in Thailand. Dlm. *Bronze Culture in Asia*, hlm. 53-78. Tehran: Asian Cultural Documentation Centre for Unesco.
- Solheim, W.C. 1989. A brief history of the Dongson concept. *Asian Perspective* XXVIII(1).
- Sorensen, P. 1979. The Ongbah Cave and its fifth drum. Dlm. R.B. Smith & Watson (eds). *Early Southeast Asia*, hlm. 78-97. Oxford: Oxford University Press.
- Sorensen, P. 2002. The Dongson Culture and tradition in Southeast Asia. Kertas Kerja International seminar on Dongson Culture and tradition in Southeast Asia. Muzium Negeri Terengganu, Malaysia. 14-17 Januari.
- TAT Tourism Authority of Thailand license. 2010. *Phu Phra Bat Historical Park*, <https://www.renown-travel.com/historicalsites/phu-phra-bat.html>

Adnan Jusoh (Ph.D)  
Prof Madya  
Jabatan Sejarah  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
39500 Tanjung Malim  
Perak, MALAYSIA  
E-mel: [adnan.jusoh@fsk.upsi.edu.my](mailto:adnan.jusoh@fsk.upsi.edu.my)  
[drdnajus@gmail.com](mailto:drdnajus@gmail.com)

Diserahkan: 18 Julai 2021  
Diterima: 19 September 2021  
Diterbit: 30 September 2021